

21 JAN 2002

Mahathir-Pusat

DR MAHATHIR MELANCARKAN PUSAT KOMUNITI PERTAMA PUTERI UMNO

PETALING JAYA, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pusat komuniti Puteri Umno yang pertama ditempatkan di kawasan Flat Taman Sri Manja, Jalan Klang Lama di sini hari ini.

Pusat itu akan berperanan sebagai pusat tuisyen dan pusat khidmat masyarakat.

Ia ditubuhkan sebagai satu komitmen Puteri Umno dalam bidang pendidikan ke arah merealisasikan matlamat mewujudkan masyarakat cemerlang tanpa mengira agama dan bangsa.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyaksikan penyerahan kunci replika pusat itu oleh ketua penaja Puteri Umno Azalina Othman Said dan ketua penaja Puteri Umno Selangor Norazmin Radzuan kepada anggota Dewan Undangan Negeri Selangor Taman Medan Datin Paduka Norkhaila Jamaludin.

Presiden Umno itu juga menyaksikan penyerahan buku serta komputer yang didermakan oleh para penaja.

Pusat komuniti itu akan menggunakan kontena dua tingkat bagi menjalankan pelbagai aktivitinya.

Dalam ucapannya, Azalina berkata Puteri Umno berharap pusat itu dapat diwujudkan di semua kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di seluruh negara bagi mengeratkan hubungan antara penduduk pelbagai bangsa dan Puteri Umno dengan wakil rakyat mereka.

"Puteri Umno Malaysia sayap Umno termuda, sedar bahawa kami perlu kreatif dalam menjalankan sesuatu program kemasyarakatan," katanya.

Azalina berkata kawasan taman itu dipilih kerana ia mempunyai penduduk yang amat padat dan sentiasa berinteraksi antara satu sama lain.

Buat permulaan, matapelajaran Bahasa Inggeris dan tulisan Jawi akan diajar di pusat itu dan ia dijangka diperluaskan kepada matapelajaran lain seperti matematik dan kelas komputer pada masa depan.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamed Khir Toyo dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang juga Setiausaha Agung Umno.

-- BERNAMA

RV SHS AHH RON